

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 OCTOBER 2016

Najib gembira Kuala Lumpur bandar ke-7 tumpuan pengunjung

UM-6/10/2016

KUALA LUMPUR 5 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak percaya bahawa keharmonian, ketabihan serta sifat peramah dan mesra rakyat negara ini menjadi antara faktor ibu negara disenarai sebagai bandar ketujuh destinasi pilihan pengunjung dari seluruh dunia.

Perdana Menteri yang menzahirkan kegembiraannya itu berkata, berdasarkan laporan Indeks Bandar Destinasi Global (GDCI) 2016 yang dikeluarkan Mastercard, Kuala Lumpur merupakan antara bandar paling ramai pengunjung di dunia, pada

kedudukan ke-7 daripada 132 bandar utama seluruh dunia.

Kata Najib, berdasarkan laporan itu, ibu negara mencatatkan jumlah pengunjung seramai 12 juta orang, lebih ramai berbanding bandar-bandar besar seperti Tokyo, Seoul, Hong Kong, Milan dan sebagainya.

Tambah Najib, sejak laporan itu dikeluarkan juga, kedudukan Kuala Lumpur meningkat naik secara progresif setiap tahun.

“Pada 2011, kita di tangga ke-14, tahun lalu berada di tangga ke-8 dan tahun ini pula naik ke tempat ke-7 dengan kadar kenai-

kan sebanyak 7.4 peratus. Laporan sama turut menyebut bahawa 26.8 peratus daripada pengunjung ke Malaysia datang atas urusan perniagaan, sementara baki 73.2 peratus untuk bercuti.

“Ini merupakan bukti daya tarikan dan keistimewaan Malaysia, sebuah negara berbilang kaum, kaya dengan tradisi, budaya, keistimewaan flora serta fauna dan sebagainya. Kita juga sebuah negara mesra perniagaan, destinasi pilihan para pelabur antarabangsa,” katanya menerusi catatan terbaharu di laman blog *NajibRazak.com* hari ini.